

ENAKMEN BEKALAN GAS 2023  
PERATURAN-PERATURAN BEKALAN GAS  
(PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2023

---

**SUSUNAN PERATURAN**

---

*Peraturan*

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Pengkompaunan kesalahan
3. Pembayaran kompaun
4. Tawaran untuk mengkompaun sebelum permulaan pendakwaan
5. Penyampaian notis tawaran untuk mengkompaun melalui pos

**JADUAL**

## ENAKMEN BEKALAN GAS 2023

### PERATURAN-PERATURAN BEKALAN GAS (PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2023

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 80(r) Enakmen Bekalan Gas 2023, Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

#### **Nama dan permulaan kuat kuasa**

**1.** (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan Peraturan-Peraturan Bekalan Gas (Pengkompaunan Kesalahan) 2023.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa 10 Januari 2023.

#### **Pengkompaun kesalahan**

**2.** (1) Suatu tawaran untuk mengkompaun hendaklah dibuat oleh Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Tenaga dalam Borang 1 Jadual.

(2) Seseorang yang menerima suatu tawaran untuk mengkompaun hendaklah mengemukakan bayaran kompaun dengan menggunakan Borang 2 Jadual.

#### **Pembayaran kompaun**

**3.** (1) Jika suatu tawaran untuk mengkompaun kesalahan telah dibuat dan diterima oleh orang yang kepadanya tawaran itu dibuat, dia hendaklah membuat pembayaran melalui kiriman wang, wang pos, perintah juruwang, cek jurubank atau draf bank kepada Pengerusi Suruhanjaya Tenaga dan dipalang dengan perkataan “Akaun Penerima Sahaja”.

(2) Pembayaran di bawah subperaturan (1) hendaklah diserahkan sendiri atau dihantar melalui pos berdaftar ke alamat yang dinyatakan dalam notis tawaran untuk mengkompaun.

(3) Walau apa pun subperaturan (1), orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan dibuat boleh membuat bayaran secara elektronik sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

(4) Suatu resit hendaklah dikeluarkan bagi tiap-tiap pembayaran yang diterima di bawah subperaturan (1) atau subperaturan (3) kepada orang yang kepadanya tawaran mengkompaun itu dibuat.

**Tawaran untuk mengkompaun sebelum permulaan pendakwaan**

4. (1) Sesuatu tawaran untuk mengkompaun di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan, tetapi sebelum apa-apa pendakwaan berkenaan dengan kesalahan itu telah dibuat.  
(2) Jika amaun wang yang dinyatakan dalam notis tawaran untuk mengkompaun itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam notis itu, atau apa-apa pelanjutan masa yang diberikan, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang kepadanya tawaran itu dibuat tanpa apa-apa notis selanjutnya.

**Penyampaian notis tawaran untuk mengkompaun melalui pos**

5. Jika suatu notis tawaran untuk mengkompaun disampaikan melalui pos berdaftar prabayar, notis itu hendaklah disifatkan sebagai telah diserahkan pada masa notis itu diserahkan dalam perjalanan biasa pos.

---

**JADUAL****ENAKMEN BEKALAN GAS 2023****PERATURAN-PERATURAN BEKALAN GAS  
(PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2023****BORANG 1****[Subperaturan 2(1)]****NOTIS TAWARAN UNTUK MENGKOMPAUN KESALAHAN**

Apabila menjawab sila nyatakan:

No. Rujukan: .....

Tarikh: .....

Kepada:

.....  
.....  
.....  
.....

Tuan/Puan,

Suatu aduan telah dibuat terhadap anda yang menyatakan bahawa anda disyaki secara munasabahnya telah melakukan suatu kesalahan di bawah Enakmen Bekalan Gas 2023 dengan butir-butir berikut:

- (a) Peruntukan undang-undang berkaitan: .....
- (b) Tarikh: ..... Masa ..... pagi/petang\*
- (c) Tempat: .....
- (d) Butir-butir kesalahan:  
.....  
.....  
.....

2. Anda dimaklumkan bahawa menurut kuasa yang terletak hak pada saya oleh subseksyen 63(1) Enakmen Bekalan Gas 2023, saya dengan ini menawarkan untuk mengkompaun kesalahan itu dengan jumlah wang sebanyak RM .....(Ringgit Malaysia:.....).

3. Jika tawaran ini diterima, pembayaran hendaklah dibuat melalui kiriman wang, wang pos, perintah juruwang, cek jurubank atau draf bank yang kena dibayar kepada Pengerusi Suruhanjaya Tenaga dan dipalang dengan perkataan “Akaun Penerima Sahaja” dan boleh diserahkan sendiri atau dihantar melalui pos berdaftar ke alamat yang berikut:

.....  
.....  
.....

4. Pembayaran juga boleh dibuat melalui kaedah elektronik sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

5. Suatu resit rasmi akan dikeluarkan apabila bayaran diterima.

6. Tawaran untuk mengkompaun ini berkuat kuasa sehingga ..... dan jika tiada jawapan yang diterima pada atau sebelum tarikh itu, prosiding pendakwaan akan dimulakan terhadap anda tanpa notis yang selanjutnya.

Tarikh: .....

.....  
*Ketua Pegawai Eksekutif  
Suruhanjaya Tenaga Sabah*

---

\*Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

## ENAKMEN BEKALAN GAS 2023

PERATURAN-PERATURAN BEKALAN GAS  
(PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2023

## BORANG 2

[Subperaturan 2(2)]

## PENERIMAAN TAWARAN UNTUK MENGKOMPAUN KESALAHAN

No. Laporan: .....

Kepada:

Ketua Pegawai Eksekutif  
Suruhanjaya Tenaga Sabah

Saya merujuk kepada notis tawaran untuk mengkompaun dengan nombor rujukan ..... bertarikh .....

2. Saya bersetuju untuk menerima tawaran itu dan menyertakan bersama ini kiriman wang/wang pos/perintah juruwang/cek jurubank/draf bank\* No. .... bagi jumlah wang sebanyak RM ..... (Ringgit Malaysia: ..... ) sebagai penyelesaian penuh jumlah wang yang dinyatakan dalam perenggan 2 notis tawaran itu.

Tandatangan .....

Nama: .....  
*(Dalam huruf besar)*

No. Kad Pengenalan: .....

Alamat: .....  
.....  
.....

Tarikh: .....

\*Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

Dibuat pada 10 Januari 2023.

DATUK SERI PANGLIMA HAJI HAJIJI BIN HAJI NOOR,  
*Ketua Menteri Sabah.*